Kareem a/l Mohamed lwn Ketua Polis Negeri Perlis dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KANGAR) — GUAMAN SIVIL NO 22–10 TAHUN 2000
HASAN H
9 DISEMBER 2002

Undang-Undang Pentadbiran *— Hak-hak dan liabiliti-liabiliti pegawai awam — Buang kerja — Dibuang kerja daripada angkatan polis — Sama ada pembuangan kerja salah — Plaintif disabitkan di mahkamah majistret kerana menunggang sebuah motorsikal tanpa lesen dan tanpa insurans perlindungan — Syor untuk pembuangan kerja dibuat oleh ketua jabatan plaintif berdasarkan kesalahan trafik dan pengataan penglibatan plaintif dalam kegiatan melibatkan dadah — Plaintif tidak pernah disabitkan kerana kegiatan yang melibatkan dadah — Hak untuk didengar tidak diberikan kepada plaintif — Keputusan defendan pertama untuk memecat plaintif berdasarkan kesalahan trafik plaintif sahaja — Sama ada keputusan defendan pertama adalah tidak munasabah — Sama ada defendan pertama dipengaruhi oleh faktor-faktor negatif plaintif yang lain*

Polis *— Prosiding tatatertib — Buang kerja — Plaintif seorang lans korporal — Plaintif disabitkan di mahkamah majistret kerana menunggang sebuah motorsikal tanpa lesen dan tanpa insurans perlindungan — Kesalahan satu 'summons case' di bawah Kanun Acara Jenayah — Plaintif dibuang kerja tanpa diberikan hak untuk didengar — Sama ada peraturan-peraturan 25(2), 33 dan 37 Peraturan-Peraturan (Kelakuan dan Tatatertib) Pegawai-Pegawai Awam 1993 di mana seseorang yang dikendalikan prosiding tatatertib terhadapnya tidak perlu diberikan hak untuk didengar terpakai dalam kes ini — Sama ada prosiding di bawah peraturan-peraturan 25(2), 33 dan 37 hanya terbatas kepada 'warrant case'*

Plaintif merupakan seorang lans korporal di balai polis Kangar. Beliau dituduh di bawah ss 26(1) dan 90(1) Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987 ('Akta tersebut') kerana menunggang sebuah motosikal tanpa lesen dan tanpa perlindungan insuran masing-masing. Plaintif mengaku salah dan didenda sejumlah RM100 oleh majistret pada 24 Julai 1997. Plaintif digantung kerja mulai 24 Julai 1997. Melalui sepucuk surat bertarikh 17 September 1997, defendan pertama memberitahu plaintif bahawa beliau telah dipecat mulai 24 Julai 1997 setelah lembaga tatatertib mendapatinya bersalah akibat sabitan di mahkamah majistret. Ini merupakan permohonan plaintif untuk, antara lain: (a) satu perisytiharan bahawa pemecatan plaintif merupakan kemungkiran kaedah kedilan asasi dan Perlembagaan Persekutuan; (b) perisytiharan bahawa pemecatan plaintif adalah tak sah dan terbatal ab initio; (c) satu perintah supaya plaintif dikembalikan semula kepada bekas kedudukan dengan defendan pertama; dan (d) bahawa plaintif dibayar gaji tunggakan elaun lain mulai tarikh pemecatan. Keterangan dikemukakan untuk menunjuk bahawa ketua jabatan plaintif telah mengesyor bahawa plaintif dipecat dan dalam laporan prestasi yang ditulis oleh ketua jabatan kepada defendan pertama, ketua menyatakan bahawa plaintif terlibat dalam kegiatan dadah.

A **Diputuskan**, membenarkan permohonan plaintif:

(1) Tidak dipertikaikan bahawa plaintif tidak diberi peluang untuk membela diri sebelum hukuman pemecatan dibuat terhadapnya (lihat ms 64A–B).

B (2) Kesalahan trafik yang dilakukan oleh plaintif dirangkumi oleh kategori 'summons case' di bawah Kanun Acara Jenayah ('KAJ'). Prosedur yang terpakai kepada 'summons case' seperti yang dinyatakan dalam s 35 KAJ berbeza daripada prosedur yang terpakai kepada 'warrant case'. Untuk tujuan peraturan 25(2) dan 33 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Public Officers (Conduct C dan Discipline) 1993 ('Peraturan tersebut'), satu perbezaan mesti dibuat di antara 'summons case', atau jenayah yang tidak begitu serius dan 'warrant case'. Ini adalah kerana menurut prosiding di bawah peraturan 25(2), 33 dan 37 Peraturan tersebut, hak untuk didengar tidak perlu diberi kepada orang terhadap mana D prosiding tatatertib dijalankan. Oleh itu, prosiding ini harus dihadkan kepada 'warrant case' sahaja. Dengan itu, defendan pertama tidak harus meneruskan tindakan terhadap plaintif di bawah peraturan regs 33 dan 37 Peraturan tersebut. Tindakan tatatertib yang diambil oleh defendan pertama terhadap plaintif adalah tak sah dan terbatal kerana prosedur di bawah peraturan E 25 hingga 28 Peraturan tersebut tidak dipatuhi (lihat ms 64B–E).

(3) Jikapun defendan pertama berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap plaintif di bawah peraturan 25(2) Peraturan tersebut, mahkamah berhak mempersoal hukuman yang dikenakan ke atas plaintif disebabkan fakta luar biasa dalam kes ini. Meskipun F wujudnya laporan yang diserah oleh ketua jabatan plaintif, hakikatnya adalah bahawa plaintif tidak pernah disabit atas apa-apa kegiatan dadah dan plaintif tidak diberi peluang munasabah untuk didengar berkaitan tohmahan ini. Laporan prestasi tidak harus mengandungi apa-apa tohmahan tentang penglibatan plaintif kononnya dalam kegiatan dadah. Dengan memasukkan G kegiatan dadah dalam laporan prestasi, ketua jabatan mengambil kira bahan luaran (lihat ms 64E–F, 65C–E).

(4) Pengesyoran ketua jabatan plaintif dibuat berdasarkan dua alasan, iaitu, kesalahan trafik dan penglibatan plaintif dalam kegiatan dadah. Namun demikian, keputusan defendan pertama untuk H memecat plaintif adalah berdasarkan kesalahan trafik plaintif sahaja. Maka, keputusan defendan pertama adalah tidak munasabah dan adalah mungkin bahawa defendan pertama dipengaruhi oleh faktor negatif lain yang terkandung dalam laporan prestasi (lihat ms 66H–67A).

I (5) Tuntutan plaintif untuk ganti rugi atas kehilangan reputasi akibat pemecatan dan ganti rugi teladan ditolak kerana ianya tanpa asas (lihat ms 67F).

[English summary

The plaintiff was a lance corporal at the Kangar police station. He was charged under ss 26(1) and 90(1) of the Road Transport Act 1987 ('the Act') for riding a motorcycle without a licence and without insurance coverage respectively. The plaintiff admitted guilt and was fined a sum of RM100 by the magistrate on 24 July 1997. The plaintiff was suspended from duty with effect from 24 July 1997. By a letter dated 17 September 1997, the first defendant informed the plaintiff that he had been dismissed with effect from 24 July 1997 after the disciplinary board had found him guilty as a result of his conviction at the magistrate court. This was the plaintiff's application for, inter alia: (a) a declaration that the termination of the plaintiff's employment was a breach of the rules of natural justice and the Federal Constitution; (b) a declaration that the termination of the plaintiff's employment was null and void ab initio; (c) an order that the plaintiff be reinstated to his former position with the first defendant; and (d) that the plaintiff be paid backwages and other allowances with effect from the date of termination of the employment. Evidence was led to show that the plaintiff's head of department had recommended that the plaintiff be dismissed and in the performance report written by the head of department to the first defendant, the former stated that the plaintiff was involved in drug related activities.

Held, allowing the plaintiff's application:

(1) It was not disputed that the plaintiff was not given an opportunity to defend himself before the punishment of dismissal was made against him (see p 64A–B).

(2) The traffic offences committed by the plaintiff belonged to the category of 'summons case' under the Criminal Procedure Code. The procedures applicable to a 'summons case' as specified in s 35 of the CPC were different from the procedures applicable to a 'warrant case'. For purposes of regs 25(2) and 33 of the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993 ('the Regulations'), a distinction must be drawn between a 'summons case', or less serious crimes and a 'warrant case'. This was because pursuant to proceedings under regs 25(2), 33 and 37 of the Regulations, the right to be heard need not be given to the person against whom disciplinary proceedings were conducted. As such, these proceedings should be confined to 'warrant case' only. Accordingly, the first defendant should not proceed against the plaintiff under regs 33 and 37 of the Regulations. The disciplinary action taken by the first defendant against the plaintiff was null and void because the procedures under regs 25 to 28 of the Regulations had not been complied with (see p 64B–E).

(3) Even if the first defendant were entitled to take disciplinary action against the plaintiff under reg 25(2) of the Regulations, the court was entitled to question the punishment imposed on the plaintiff

because of the extraordinary facts in this case. Despite the report submitted by the plaintiff's head of department, the fact was that the plaintiff had never been convicted for any drug related activity and the plaintiff was not given a reasonable opportunity to be heard in relation to this allegation. The performance report should not contain any allegations of the plaintiff's purported involvement in drug related activities. By including the drug related activities in the performance report, the head of department was taking into account extraneous materials (see pp 64E–F, 65C–E).

(4) The recommendation of the plaintiff's head of department was made based on two reasons, namely, the traffic offence and the plaintiff's involvement in drug related activities. However, the first defendant's decision to dismiss the plaintiff was based on the plaintiff's traffic offence only. Therefore, the first defendant's decision was unreasonable and it was possible that the first defendant was influenced by other negative factors contained in the performance report (see pp 66H–67A).

(5) The plaintiff's claim for damages for loss of reputation arising from the termination and exemplary damages was dismissed as the same was baseless (see p 67F).]

Kareem a/l Mohamed lwn Ketua Polis Negeri Perlis (Hasan H)

Nota

Untuk kes-kes mengenai pembuangan kerja pegawai-pegawai awam, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan-perenggan 519–543.

Untuk kes-kes mengenai pembuangan kerja dalam prosiding tatatertib, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1999 Reissue) perenggan-perenggan 1095–1119.

Kes-kes yang dirujuk

Horsfield v Brown [1931] All ER 469 (dirujuk)

Ng Hock Cheng v Pengarah Am Penjara & Ors [1998] 1 MLJ 153 (dirujuk)

Shamsiah bte Ahmad Sham v Public Services Commission Malaysia [1990] 3 MLJ 364 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pengangkutan Jalan 1987 ss 26(1), 90(1)

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 peraturan-peraturan 25(2), 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38(g)

Hasnah bte Abd Hamid (*Ganesan & Rakan-Rakan*) bagi pihak plaintif.

Zahruddin bin Mohammed Isa (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden-responden.

Hasan H: Melalui tindakan ini plaintif memohon relif-relif berikut: A

(a) suatu deklarasi bahawa penamatan pekerjaan plaintif adalah satu kemungkiran undang-undang keadilan semulajadi;

(b) suatu deklarasi bahawa penamatan pekerjaan plaintif adalah satu kemungkiran Perlembagaan Persekutuan;

(c) suatu deklarasi bahawa keputusan penamatan pekerjaan plaintif adalah terbatal dan tidak sah ab initio; B

(d) suatu perintah bahawa plaintif dikembalikan kepada jawatannya di Jabatan Polis, Malaysia;

(e) suatu perintah bahawa defendan-defendan membayar plaintif semua bayaran gaji, elaun dan lain-lain bayaran patut dibayar kepada plaintif mulai daripada tarikh penamatan pekerjaan plaintif; C

(f) ganti rugi untuk ditaksiran akibat reputasi plaintif yang jatuh, kekecewaan dan kesusahan plaintif akibat penamatan pekerjaan tersebut;

(g) ganti rugi tauladan; D

(h) faedah;

(i) kos; dan

(j) lain-lain perintah yang mahkamah anggap perlu.

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak fakta kes ini adalah seperti berikut. Plaintif adalah seorang anggota polis berpangkat Lans Kopral di Jabatan Polis Di Raja dan bertugas di Balai Polis Kangar, Perlis. Plaintif telah dituduh di bawah s 26(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana menunggang motorsikal tanpa lesen memandu dan s 90(1) Akta yang sama kerana tidak mempunyai insuran perlindungan. Plaintif telah mengaku salah terhadap kedua-dua kesalahan tersebut dan telah didenda RM100 atau jika tidak bayar penjara selama enam hari bagi setiap kesalahan tersebut oleh mahkamah majistret pada 24 July 1997. E F

Berikutan dengan itu plaintif telah digantung kerja berkuatkuasa mulai 24 July 1997. Satu laporan prestasi plaintif telah dikemukakan melalui surat bertarikh 10 September 1997 dan syor dibuat supaya tindakan buang kerja diambil terhadap plaintif. Melalui satu surat bertarikh 17 September 1997 defendan pertama telah memberitahu plaintif keputusan Lembaga Tatatertib Jabatan Polis Di Raja Malaysia melalui Ketua Polis Daerah Kangar bahawa plaintif adalah bersalah dan plaintif telah dikenakan hukuman buang kerja berkuatkuasa mulai 24 Julai 1997 dengan alasan plaintif telah disabitkan bersalah oleh mahkamah majistret kerana tiada lesen memandu dan tiada insuran perlindungan dan telah didenda sebanyak RM100 bagi setiap kesalahan. G H

Plaintif menegaskan bahawa kes-kes tersebut adalah kes trafik dan bukan kes jenayah dan dengan demikian keputusan menamatkan perkhidmatan plaintif itu adalah salah, tidak sah dan terbatal. Plaintif juga menegaskan bahawa penamatan perkhidmatan plaintif itu dibuat dengan melanggari prinsip-prinsip keadilan semulajadi. I

A Dalam pembelaannya defendan-defendan menegaskan bahawa hukuman 'buang kerja' yang dikenakan ke atas plaintif adalah dibuat menurut peraturan 38(g) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ('Peraturan-Peraturan tersebut') dan dengan demikian tidak timbul persoalan samada plaintif diberi peluang untuk membela diri ataupun membuat rayuan. Defendan-defendan juga
B menegaskan bahawa prinsip-prinsip keadilan semulajadi telah dipatuhi.

Dalam hujahnya peguamcara defendan telah berhujah bahawa tindakan memecat plaintif adalah mengikut prosedur. Beliau berhujah bahawa tindakan tersebut diambil selaras dengan peraturan 25(2) serta peraturan 32 hingga 38 kepada Peraturan-Peraturan tersebut.

C Peraturan 25 kepada Peraturan-Peraturan tersebut memperuntukkan bahawa:

> (1) Tertakluk kepada peruntukan subperaturan (2), tiada pegawai boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat dalam apa-apa prosiding tatatertib di bawah bahagian ini melainkan jika dia telah diberitahu secara
> D bertulis mengenai alasan-alasan yang berdasarkannya tindakan itu dicadangkan diambil terhadapnya dan telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar.
>
> (2) Subperaturan (1) tidaklah terpakai dalam hal-hal yang berikut:
> (a) Jika seseorang pegawai dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan
> E jenayah telah dibuktikan terhadapnya.

Adalah menjadi hujah peguamcara defendan bahawa kesalahan trafik merupakan kesalahan jenayah kerana ia termasuk di bawah bidang kuasa jenayah majistret. Menurut beliau kesalahan trafik merupakan kesalahan jenayah kerana terdapat 'offence' di dalam penalti yang dikenakan dan
F tindakan tersebut dimulakan atas nama pendakwa raya. Beliau juga berhujah bahawa kesalahan trafik merupakan kesalahan jenayah kerana ia berbentuk hukuman ke atas individu yang tidak akan menguntungkan sesiapa dari segi wang ringgit. Beliau seterusnya merujuk kepada petikan dari buku *Smith & Hogan, Criminal Law* (5th Ed, 1983) Butterworths di ms 22:

G

> A crime is:
>
> > 'an act that is capable of being followed by criminal proceedings, having one of the types of outcome (punishment, etc) known to follow these proceedings.'

H Beliau juga merujuk kepada kes *Horsfield v Brown* [1931] All ER Rep 469 di mana menurutnya daripada keputusan kes tersebut boleh dirumuskan bahawa sesuatu statut yang menyatakan sesuatu kesalahan merupakan kesalahan jenayah jika ia ditadbir oleh sesuatu prosedur jenayah.

Persoalannya di sini ialah berdasarkan fakta kes ini iaitu plaintif telah didapati salah oleh mahkamah majistret kerana melakukan kesalahan trafik,
I bolehkan plaintif dipecat dan jawatannya menurut peraturan 25(2) dan 32–38 Peraturan-Peraturan tersebut. Adakah kesalahan-kesalahan trafik tersebut merupakan kesalahan jenayah seperti dimaksudkan di bawah

peraturan 25(2) dan 33 tersebut? Di bawah Peraturan-Peraturan tersebut, tidak ditakrifkan perkataan 'jenayah'. Kedua-dua pihak gagal mengemukakan kes-kes yang memutuskan bahawa kedua-dua kesalahan trafik tersebut adalah tergolong di bawah kes-kes jenayah menurut peraturan 25(2) dan 33 tersebut. Tidak dipertikaikan dalam kes ini bahawa plaintif tidak diberi peluang untuk membela diri atau membuat apa-apa representasi sebelum hukuman buang kerja dikenakan ke atasnya oleh Lembaga Tatatertib berkenaan. Jika diteliti kedua-dua kesalahan trafik yang dilakukan oleh plaintif itu, iaitu menunggang motorsikal tanpa lesen memandu dan tidak dilindungi oleh insuran, adalah merupakan kes saman dan kes saman telah ditakrifkan di bawah s 2 Kanun Acara Jenayah sebagai 'a case relating to an offence and not being a warrant case'. Prosedur untuk kes-kes saman telah dinyatakan di bawah s 35 Kanun Acara Jenayah dan prosedurnya adalah berbeza daripada kes-kes waran.

Saya berpendapat bagi maksud prosiding menurut peraturan 25(2) dan 33 Peraturan-Peraturan tersebut perlu dibezakan di antara kes-kes saman iaitu kes-kes yang kurang serius dengan kes-kes waran iaitu kes-kes jenayah yang lebih serius. Ini kerana menurut prosiding di bawah peraturan 25(2), 33 dan 37 hak atau peluang yang munasabah untuk didengar tidak perlu diberi kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu dijalankan. Oleh itu, prosiding sedemikian patut dihadkan kepada kes-kes waran sahaja. Berdasarkan kepada alasan di atas, saya berpendapat defendan pertama tidak boleh menggunakan prosedur menurut peraturan 33 dan 37 Peraturan-Peraturan tersebut untuk menamatkan perkhidmatan plaintif. Oleh itu, tindakan tatatertib yang dijalankan oleh defendan pertama terhadap plaintif adalah tidak sah dan terbatal kerana prosedur mengikut peraturan 25 hingga 28 Peraturan-Peraturan tersebut tidak dipatuhi.

Secara alternatifnya, jikapun defendan pertama berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap plaintif menurut peraturan 25(2) kepada Peraturan-Peraturan tersebut, saya berpendapat mahkamah berhak mempersoalkan hukuman yang telah dijatuhkan ke atas plaintif oleh defendan pertama kerana fakta kes ini menunjukkan ia adalah suatu kes luarbiasa. Ini selaras dengan pandangan yang telah diberikan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ng Hock Cheng v Pengarah Am Penjara & Ors* [1998] 1 MLJ 153 di mana diputuskan, antara lainnya, bahawa:

> [1b] Lembaga tatatertib sesuatu badan profesyen adalah hakim yang sesuai sekali untuk menentukan keseriusan salah laku ahli-ahlinya; ianya memerlukan sesatu kes yang luarbiasa untuk membolehkan mahkamah mengusik keputusannya berkenaan dengan hukuman. Seperti itu juga, majikan, termasuk Kerajaan, adalah yang sesuai sekali untuk menghakim keseriusan salah laku pekerjanya.

Di bawah peraturan 33 Peraturan-Peraturan tersebut, Ketua Jabatan plaintif dikehendaki mengemukakan salinan keputusan mahkamah berserta dengan rekod perkhidmatan plaintif dan syor-syor oleh Ketua Jabatan ke atas hukuman yang patut dikenakan ke atas plaintif. Sehubungan dengan ini dalam eks D5, iaitu laporan prestasi plaintif yang disediakan oleh Cif Inspektor Ku Yaacob bin Ku Hamad selaku pegawai yang

A bertanggungjawab terus ke atas plaintif yang bertarikh 10 September 1997 dan menurut peraturan 33 tersebut telah menyatakan fakta-fakta bukan sahaja kesalahan trafik tersebut tetapi juga berkenaan dengan penglibatan plaintif dengan penyalahgunaan dadah serta rekod kesalahan tatatertib plaintif dari tahun 1994 hingga 1997. Dalam laporan tersebut, syor berikut telah dibuat:

B

> Berdasarkan fakta-fakta di atas disyorkan agar tindakan **BUANG KERJA** diambil terhadap sabjek memandangkan salahlaku yang dilakukan oleh sabjek adalah merupakan satu kesalahan yang serius di mana sebagai seorang penguatkuasa undang-undang tidak seharusnya sabjek terlibat dengan kegiatan dadah yang menjadi salah satu daripada musuh masyarakat dan
> C negara, serta boleh mencemar dan menjatuhkan imej Polis Di Raja Malaysia di kaca mata masyarakat.

Perlu ditegaskan di sini bahawa plaintif tidak pernah disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah dan plaintif tidak pernah pada bila-bila masa diberikan peluang yang munasabah untuk didengar berkaitan kes
D dadah tersebut. Oleh yang demikian, laporan prestasi tersebut yang telah dikemukakan kepada defendan pertama untuk keputusan sepatutnya tidak boleh mengambilkira atau menyentuh fakta berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Apabila Cif Inspektor Ku Yaacob mengambilkira fakta berkaitan penyalahgunaan dadah dalam syornya maka beliau telah mengambilkira faktor luaran (extraneous materials) di mana plaintif tidak
E diberi peluang untuk membuat representasi terhadapnya.

Mengenai fakta luaran ini Mahkamah Agung dalam kes *Shamsiah bte Ahmad Sham v Public Services Commission, Malaysia* [1990] 3 MLJ 364 telah menyatakan pada ms 367 dan 368:

F

> On a careful analysis of para (2) of the show cause letter, it became evident there was an implicit acknowledgment on the part of the first respondent that it knew of the several disciplinary actions that had been taken against her and the punishments thereof on similar complaints as the one presently before it as well as other charges of misconducts. The informations relating to the previous disciplinary actions were supplied by the Director-General of the
> G Government Printers Department Kuala Lumpur when he submitted the record of service of the appellant to the first respondent and recommended to the first respondent that disciplinary action should be taken against her. A scrutiny of the agreed bundle of documents in the record of appeal revealed that the entries in the appellant's record of service showed that disciplinary actions were taken against her four times for being late to report for duty and
> H three times for taking longer time to complete her work assignments. On these actions she was punished accordingly ranging from a warning, a fine and the withholding of her salary. It is not unreasonable, therefore, to infer that these were the matters referred to in para (2) of the show cause letter which actuated the first respondent to intimate to her through the show cause letter its intention to dismiss her. It did not escape our attention that the last sentence
> I of para (2) of the show cause letter had an ominous ring to it when it said 'However, they had no effect on you.' In fact para (2) of the letter was so written as to reflect the state of mind of the first respondent on the issue of the dismissal.

> In our view, para (2) of the show cause letter by itself constituted an intrinsic evidence that the first respondent, though acting perfectly in good faith, had taken these damaging materials into account in deciding to dismiss her, using her previous disciplinary actions and punishments as aggravated circumstances. Armed with the record of all the various disciplinary actions and punishments against her it would seem inevitable and indeed logical under the circumstances for the first respondent to have decisively reached at the determination to dismiss her. It was as if her casual attitude towards her previous disciplinary punishments demonstrated her as an obstinate, incorrigible and delinquent civil servant and under these circumstances, therefore, we could not see what other decisions the first respondent could otherwise possibly make. The adverse record had sealed her fate as a civil servant. It seemed to us that the grounds for the disciplinary action before the first respondent by themselves were not serious enough to merit a dismissal without taking into account those damaging materials concerning the conduct of the appellant.
>
> With all respect, the learned judge below should not have held that the first respondent was perfectly entitled to take into consideration the appellant's previous conduct without saying further that she must also be provided with an opportunity to explain or contradict them. The record of service as far as the disciplinary action before the first respondent was concerned contained extraneous matters, detrimental to the appellant's case. Even before the case of *Ridge v Baldwin*, Lord Denman CJ in *R v Smithg* in dealing with the case of dismissal of a parish clerk held that even personal knowledge of the offence was no substitute for hearing the officer: his explanation might disprove criminal motive or intent and bring forward other facts in mitigation. We are not saying and should not be quoted as saying that the past record of the appellant should not be taken into account in considering her guilt or the appropriate punishment if she were found guilty of the charge. What we are saying is that if these materials which have such damning effect on her case are to be used against her she should be given a right to be heard on them. It is not a matter of pure technicality but it is absolutely fundamental in law that the appellant should have been given an opportunity of stating her case regarding her past conducts, considering that the dismissal of a civil servant is no light matter.

Syor yang dibuat oleh Cif Inspektor Ku Yaacob itu telah disokong oleh Ketua Jabatan plaintif iaitu Ketua Polis Daerah, Kangar melalui suratnya bertarikh 10 September 1997 iaitu eksh D4 dan telah dihantar kepada defendan pertama untuk pertimbangannya. Perenggan 2 kepada D4 adalah seperti berikut:

> Saya mengesahkan laporan tersebut adalah tepat dan menyokong agar anggota ini segera ditamatkan perkhidmatan kerana ia seorang yang berkemungkinan mampu menyebabkan imej pasukan PDRM tergugat serta boleh mendatangkan penyalahgunaan kuasa.

Adalah jelas, syor supaya plaintif dibuang kerja dibuat berdasarkan dua sebab iaitu plaintif telah melakukan kesalahan trafik dan plaintif terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Di antara dua sebab tersebut penglibatan plaintif dengan penyalahgunaan dadah adalah suatu perkara yang serius. Walau bagaimanapun defendan pertama telah memutuskan untuk mengenakan hukuman buang kerja ke atas plaintif cuma berdasarkan

A plaintif telah didapati salah kerana kesalahan trafik tersebut. Oleh itu, keputusan defendan pertama itu tidak munsabah dan ada kemungkinan keputusan sedemikian diambil kerana defendan pertama terpengaruh dengan faktor-faktor lain yang negatif terhadap plaintif yang terdapat dalam eksh D5 itu.

B Mengenai perkara ini, Mahkamah Agung telah menyatakan dalam kes *Shamsiah bte Ahmad Sham* pada ms 369:

> We wish to add that it has been held that tribunal must not continue privately to obtain evidence or other information between the conclusion of the hearing and the making of the decision, without notifying the parties so as to give them an opportunity to make submissions on it. See for example *R v Deputy* C *Industrial Injuries Commissioner, ex p Jones* and *Fairmont Investment Ltd v Secretary of State for the environment.*

Dalam perenggan 6(g) kepada penyata tuntutannya plaintif telah memplidkan seperti berikut:

> D (g) Keputusan penamatan pekerjaan plaintif adalah tidak rasional dan/atau dibuat tanpa asas yang kukuh dan/atau melebihi bidang kuasa dan/atau satu penyalahan kuasa budi bicara.

Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, saya berpendapat dakwaan plaintif itu adalah berasas dan saya berpendapat plaintif telah mewujudkan suatu keadaan luar biasa di mana mahkamah boleh campur tangan supaya E keadilan boleh dilakukan dalam kes ini.

Dengan yang demikian, saya telah membenarkan permohonan plaintif seperti dipohon dalam subperenggan (a), (b), (c), (d) dan (e) kepada perenggan 9 pernyataan tuntutan. Bagi subperenggan (e), jika kedua-dua pihak tidak dapat bersetuju dengan jumlah bayaran yang perlu dibuat maka kedua-dua pihak dikehendaki merujuk perkara tersebut kepada penolong F kanan pendaftar/timbalan pendaftar untuk diputuskan. Walau bagaimanapun, mahkamah menolak tuntutan plaintif dalam subperenggan (f) dan (g) kerana ianya tidak berasas. Akhir sekali, mahkamah membenarkan tuntutan plaintif supaya kos untuk tindakan ini dibayar oleh defendan kepada plaintif dan faedah pada kadar 8% setahun mulai dari G tarikh keputusan ini dibuat sehingga jumlah yang ditetapkan di bawah subperenggan (e) itu dibayar sepenuhnya.

Permohonan plaintif dibenarkan.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na

H

I